

**Replika Anwar ingin dikekalkan hingga Krismas**  
**Malaysiakini.com**  
**Oct 28, 2008**  
**Jimadie Shah Othman**

Imej besar penasihat PKR Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang menimbulkan kontroversi, akan diruntuhkan awal bulan depan jika permohonan mereka melanjutkan tempoh penagakannya tidak diluluskan.

"Permit tamat 4 November ini. Kita ingat mahu minta sambung (kelulusan). Tetapi kalau tidak dapat, tidak mengapalah, saya turunkanlah," kata pengelola projek itu R Viriya kepada Malaysiakini hari ini.

Tambahnya, beliau berharap dapat mengekalkan imej setinggi 12.2 meter tersebut di satu simpang dekat Wisma Keringat, Batu Caves untuk tempoh kira-kira dua bulan lagi sehingga sambutan hari natal dan tahun baru.

poster gergasi anwar ibrahim batu caves 061008Ekoran itu, kata Viriya, beliau bercadang menemui wakil rakyat Batu Caves, Amiruddin Shari bagi mendapatkan pandangan beliau.

Bagaimanapun, tambahanya, permohonan baru untuk melanjutkan tempoh belum dibuat kepada pihak berkenaan Majlis Perbandaran Selayang.

"Mungkin dalam dua hari lagi (akan memohon)," kata Viriya yang juga timbalan pengerusi persatuan penduduk Kampung Indian Settlement dekat situ.

Penegakan imej itu genap sebulan lalu mula mencetuskan kontroversi apabila mufti Perlis Dr Mohd Asri Zainul Abidin awal bulan ini dilaporkan mendakwa imej itu "berunsur keberhalaan" dan "perlu dihapuskan dengan segera."

Perkara itu bagaimanapun dinafikan Amiruddin, juga naib ketua Angkatan Muda Keadilan (AMK), yang menjelaskan "tidak pernah wujud aktiviti keberhalaan di tempat itu".

Viriya sebelum ini berkata, penduduk setempat bersedia untuk merobohkannya jika kontroversi berlarutan berhubung penegakan replika gergasi itu.

Katanya, imej besar berharga RM5,000 itu yang dibina sempena sambutan hari raya awal bulan ini dan Deepavali semalam.

Pemuda PAS Selangor bagaimanapun menafikan imej gergasi itu termasuk dalam kategori patung yang diharamkan dalam ajaran Islam.

Replika ini dibina menggunakan duit sumbangan masyarakat setempat.